

**Peluang Dengar Sendiri Kisah Penderitaan Rakyat Palestin Dalam Program KLFCW Bernama  
05 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Rakyat Malaysia berpeluang mendengar dan menyelami penderitaan rakyat Palestin yang kisahnya disampaikan sendiri wakil mereka dalam persidangan berkaitan jenayah perang anjuran Yayasan Perang Jenayah Kuala Lumpur (KLFCW) dan Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF), 19 Nov ini.

Buat pertama kali penganjur membawa 10 penduduk Palestin untuk menceritakan pengalaman mereka yang hidup dalam kepungan di Semenanjung Gaza pada sesi pendengaran empat hari Suruhanjaya Pendengaran Jenayah Perang Palestin Kuala Lumpur.

Anggota bersekutu kanan PGPF, Fauziah Abu Hassan@Ajie Hassan berkata pada sesi pendengaran yang diadakan pada hari kedua dan ketiga itu, segala maklumat yang diperolehi dikumpulkan sebagai bukti yang akan dikemukakan kepada pasukan pendakwaan untuk tindakan lanjut.

"Kita panggil lima orang panel antarabangsa untuk mendengar cerita-cerita daripada saksi yang kita bawa dari Palestin. Pada sesi ini, kita kumpul data dari saksi, selepas itu baru kita akan putuskan untuk buat tribunal terhadap Israel.

"Semua golongan masyarakat dijemput hadir sebab kita hendak bagi kesedaran kepada masyarakat betapa kita perlu menghargai keamanan yang kita nikmati di Malaysia," katanya kepada Bernama di sini Isnin.

Dalam pada itu, bekas Perdana Menteri yang juga Pengerusi PGPF dan KLFCW, Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka akan memberi ucap tama pada Forum '9/11: Revisited-Seeking the Truth' yang akan berlangsung pada hari pertama persidangan itu.

Seramai 12 orang panel tempatan dan antarabangsa telah mengesahkan penyertaan mereka pada forum yang membincangkan mengenai peristiwa 11 September yang telah menggemparkan seluruh dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707209>